

NAMA :

TAHUN :

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1 Encik Mail menerima kedatangan kami dengan _____ walaupun belum pernah bertemu.

A tangan terbuka C cuci tangan

B gelap fikiran D tangkai hati

2 Najihah rela _____ untuk membeli kereta idamannya itu.

A gerak badan C hancur hati

B banyak akal D ikat perut

3 Jangan _____ menuduh orang lain kalau tidak ada bukti yang kukuh.

A diam-diam ubi C angkat muka

B serkap jarang D curi tulang

4 Semua pekerja diminta memberi _____ masing-masing dalam perbincangan meja bulat itu.

A buah fikiran C buah pena

B bau mulut D buah hati

5 Apabila sudah berjaya, Kok Meng menjadi _____ dan tidak mahu mendengar pendapat orang lain.

A bongkok udang C besar kepala

B darah daging D kaki bangku

6 Park Jung merupakan _____ sekolah kami kerana dia sering mengharumkan nama sekolah dalam pertandingan pidato dan badminton.

A anak kandung C anak emas

B anak angkat D anak buah

7 Setiap hari Ahad, Cikgu Selvi akan mengajar anak-anak penduduk kampung itu yang tidak tahu mengira dan _____

A mata duitan C kaki ayam

B busuk hati D buta huruf

8 Saya berasa _____ melihat telatah pelawak-pelawak di kaca televisyen itu.

A busuk hati C geli hati

B buah hati D iri hati

9 Pihak penguat kuasa menahan warga asing yang berniaga di _____ bangunan itu.

A kaki bangku C kaki botol

B kaki ayam D kaki lima

10 Ramli sering menggunakan _____ nya untuk menipu guru apabila tidak siap kerja sekolah.

A lidah bercabang C buta huruf

B tangkai jering D akal belut

11 Samat suka _____ tentang kejayaan anak-anaknya.

A kerang busuk C cuci tangan

B cakap besar D busuk hati

12 Sikap Wok Lan yang menyendiri seperti _____ itu menyebabkan rakan-rakannya memulaukannya.

A kambing hitam C lipas kudung

B kera sumbang D patah hati

13 Maria sangat gembira menyambut kelahiran _____ sulungnya.

A cahaya mata C bidan terjun

B kaki wayang D anak kapal

NAMA :
TAHUN :

14 Mona _____ semasa emak dan ayahnya bernial-bual di ruang tamu.

- A pasang telinga C terang hati
B pekak badak D ikat perut

15 Kilang itu dibina dengan wang hasil _____ Amir yang dikumpul olehnya semasa bekerja di luar negara.

- A batu loncatan C tin kosong
B asam garam D titik peluh

16 Ayah hanya sempat makan sekeping roti sebagai _____ sebelum pergi ke pejabat.

- A ambil angin C ganti tikar
B alas perut D cuci mata

17 Para tetamu mengucapkan tahniah kepada pasangan _____ yang sedang bersanding di atas pelamin.

- A gulung tikar C buta huruf
B raja sehari D cari fasal

18 Puan Nancy sentiasa memastikan agar anak dan suaminya tidak keluar rumah dengan _____.

- A perut kosong C beri muka
B buah tangan D gerak hati

19 Setelah beroperasi selama 20 tahun, syarikat itu terpaksa _____ kerana tindakan pekerja yang tidak bertanggungjawab.

- A gulung tikar C curi tulang
B angkat kaki D cuci perut

20 Normi meminta _____ yang baru bekerja di rumahnya itu mengemas rumah setiap hari.

- A kerang musuk C orang gaji
B orang dalam D anak air

21 Hartawan itu _____ apabila semua barang berharga di rumahnya hilang setelah dimasuki pencuri.

- A sampai hati C pilih kasih
B putih mata D salah urat

22 Jangan mudah terpedaya dengan ayat-ayat manis pemuda yang _____ itu.

- A lidah bercabang C curi tulang
B pisau cukur D mati kutu

23 Sikap manusia yang tidak bertanggungjawab telah menjadikan _____ itu sebagai tempat pembuangan sampah.

- A pisau cukur C otak udang
B lintah darat D perigi buta

24 Fatimah hanya _____ apabila dipuji oleh suami dan anak-anaknya.

- A putih mata C telinga nipis
B senyum simpul D telinga kual

25 Emak selalu menegur sikap abang yang _____ itu.

- A langkah kanan C berat tulang
B rabun ayam D berat hati

26 Kakak saya _____ dengan Syarikat Jati sejak 10 tahun yang lalu.

- A berat sebelah C orang dalam
B ringan tulang D makan gaji

NAMA :
TAHUN :

27 Sikap Markiah yang suka _____ urusan orang lain tidak disenangi oleh jiran-jirannya.

- A campur tangan C ganti tikar
B ambil angin D batu api

28 Rajan _____ setelah mengecap kemewahan hidup sehingga tidak mempedulikan keluarganya lagi.

- A makan angin C berat tulang
B lupa daratan D buruk siku

29 Anita sangat _____ sehingga sanggup menganiaya ahli keluarga sendiri.

- A hisap darah C busuk hati
B cakar ayam D suka hati

30 Penduduk kampung itu menerima kunjungan Perdana Menteri pada hujung minggu yang lalu.

- A besar kepala C geli hati
B besar hati D isi hati

31 Pekerja syarikat itu menerima _____ setelah dibayar bonus selama enam bulan oleh majikan mereka.

- A durian runtuh C mata duitan
B mahkota hati D buah fikiran

32 Charles memang pandai bercakap, tetapi ibarat _____ sahaja kerana dia tidak tahu membuat apa-apa kerja pun.

- A perut kosong C gelap mata
B tulang hitam D tin kosong

33 Remaja itu gelisah bagai _____ apabila rahsianya yang merokok telah diketahui oleh keluarga.

- A cacing kepanasan C gila bayang
B kaki bangku D otak udang

34 Walaupun hidup sederhana, Nadia _____ dan sering membantu orang miskin dan fakir.

- A mulut tempayan C murah hati
B baik sangka D pilih kasih

35 Mangsa-mangsa kebakaran itu hanya tinggal _____ kerana harta benda mereka semua musnah dalam kebakaran itu.

- A sehelai sepinggang C kacang hantu
B saudara kandung D kata putus

36 Setiap bulan Muirah akan _____ untuk mencantikkan dan mewangikan tubuh badannya.

- A mandi bunga C pasang tangan
B mandi peluh D cuci tangan

37 Amiah dan ibunya berkebun sayur di atas tanah yang _____ di belakang rumah mereka.

- A sekangkang kera C setengah tiang
B kucing bertanduk D jalan tengah

38 Encik Jaya sudah mengenal pasti pekerjaanya yang selalu makan _____ semasa di pejabat.

- A banyak akal C gaji pokok
B lintah darat D gaji buta

39 Dia _____ apabila semua rakannya pulang ke kampung semasa cuti sekolah.

- A berpeluk tubuh C putih tulang
B makan suap D mati kuku

NAMA :

TAHUN :

40 Sarimah sudah pandai _____ apabila keluar rumah.

A pasang badan C naik minyak

B perang mulut D berat tulang